

CELEBRATION OF 90th ILO ANNIVERSARY AND OSH DAY IN MALAYSIA

Date: 28 April 2009 (Tuesday)

Time: 9.00 am – 5.00 pm

Theme: Health and Life at Work: A Basic Human Right

Time	Program
9.15 a.m	Arrival of VIP (Representatives from ILO)
9.30 am	Arrival of Minister of Human Resources Opening Ceremony <ul style="list-style-type: none"> . National Anthem . Pray . Short Briefing on Safety Plan . Welcome remarks <ul style="list-style-type: none"> - Director General of DOSH Malaysia - Chairman of National Council for Occupational Safety and Health - Y.B. Datuk Maznah Mazlan, Deputy Minister of MoHR . Opening address by Minister of Human Resources Malaysia . Exchange of present between Mr. Bill Salter and Minister. <ul style="list-style-type: none"> - Video clip on world OSH day and also incorporating ILO's role, historical background and activities with Malaysia (2 minutes) . Launching of the Booklet on Smart Guide . Performance . Contribution to Workers affected by occupational hazard . Exhibition tour . Press Conference

Time	Program
11.00 a.m	Tea Break
11.30 a.m	Paper 1: Health and Life at Work – A basic human right by ILO
12.15 p.m	Paper 2: Social Protection -
1.00 p.m	Lunch
2.15 p.m	Paper 3: Small and Medium Industry - SMIDEC
3.00 p.m	Paper 4 : OSH in SME
3.45 p.m	Q & A : ILO Speaker is also expected to take part
4.00 p.m	Dismiss

MALAYSIA

The ILO – 90 years of hope A better world starts here.

Opening Remarks By Bill Salter

Director of ILO Subregional Office for East Asia

On the occasion of the ILO's 90th anniversary,

28 April 2009

Your Excellency Minister S. Subramaniam,

Distinguished guests,

Honoured guests and Forum participants,

Ladies and Gentlemen,

First, I would like to thank the Ministry of Human Resources and the tripartite partners for hosting and supporting this important occasion. It is a reinforcement of the special relationship that the International Labour Organization has developed with the **Malaysian** Government and social partners.

So it is my great pleasure and honour to be celebrating the 90th anniversary of our Organization here with you today and would like to extend to you all a warm welcome to the seminar on Health and Life at Work: A Basic Human Right.

Your Excellencies, Ladies and Gentlemen

The world collectively yearns for a safe pair of hands to help us through these uncertain times, to ensure that principles of fairness, equity and social justice are upheld. Globally, and particularly here in Asia and the Pacific, there is a widespread desire to correct some of the failures of globalization.

Given that the International Labour Organization is the United Nations' agency that deals with work and workplace issues – and its unique three-part structure of Governments, Workers and Employers – it is no surprise that we are being called upon to help respond to this current crisis. This challenge comes at a significant moment for the ILO, as it marks its 90th anniversary.

The economic crisis is an opportunity to rebuild jobs and lives in a more sustainable way. Employment should not only meet our basic needs today but it should offer some hope of social and economic progress to individuals and societies. This is what we mean by decent work.

90 years is a long time. But, in my view, the crisis we face today shows – should there ever have been any doubt – that the ILO's mandate is as fresh, relevant and universal today as it has ever been. Just consider how, as times have changed, the ILO's mandate has adapted to and incorporated changes in the world of work.

The ILO's Conventions have set the internationally recognized standards that most of us now take for granted; including the eight-hour work

day, basic workplace safety standards, maternity protection, an end to child and forced labour, equality, the right to organize and speak out. In realizing decent work in Malaysia, the Ministry of Human Resources formulated and implemented a strategic plan for a period of 2007-2010. To enhance the employability of its workforce and promote decent work for all, the Ministry organized, in collaboration with its social partners and the ILO, a tripartite seminar in November 2008. I am also pleased to inform you that the ILO is now working with the constituents in developing a decent work country programme in Malaysia.

I appreciate your efforts in addressing occupational safety and health as an issue of rights in employment, and am convinced that this Forum – taking place on the World Day for Safety and Health at Work - will produce real progress towards this end.

On the ILO's 90th birthday it is right that we should feel pride in the achievements of the past nine decades. In Malaysia, where you have made such enormous advances in that period, there must be great pride in achievement. But what is even more important is the future. We must use this occasion to look ahead and renew our support for the fundamental principles the ILO stands for and - in these testing times - plan how we can work, together, to further social justice and achieve decent work for all.

So, the message of the ILO's 90th birthday is one of hope - a better world starts here – if we so choose.

Thank you.

Ucapan Datuk Dr S. Subramaniam
Menteri Sumber Manusia

SEMPENA SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 2009

Tarikh : 28 April 2009
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan, (Kementerian Sumber Manusia)

Salam Sejahtera dan Selamat pagi,

(SENARAI PROTOKOL)

Pada pagi ini, saya sangat gembira kerana kita semua dapat hadir dan berkumpul di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ini bagi menyambut Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2009. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur sambutan Hari Sedunia iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) kerana menjemput saya untuk berucap dan merasmikan sambutan pada pagi ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kerja di bawah Majlis Negara di atas komitmen dan kesungguhan sehingga menganjurkan sambutan yang meriah ini.

3. Saya juga berterima kasih kepada tuan-tuan yang hadir pada pagi bagi membuktikan semangat tripartisme di kalangan kerajaan, majikan dan pekerja dalam membudayakan amalan kerja selamat dan sihat di

negara ini. Semangat kesepaduan ini harus dikekalkan di dalam apa juga keadaan ekonomi negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Sumber manusia merupakan modal terpenting di dalam mencapai produktiviti sesebuah organisasi. Pelaburan dalam modal insan adalah satu kewajipan bagi menghasilkan para pekerja yang produktif bagi menghadapi cabaran pasaran global.

5. Bagi memastikan para pekerja dapat bekerja dengan produktif, maka majikan perlu menyediakan prasarana dan persekitaran kerja yang selamat. Persekitaran kerja yang selamat bukan sahaja akan memastikan kesihatan pekerja terjamin tetapi juga akan membentuk perhubungan perusahaan yang harmoni di kalangan pekerja.

6. Apa yang pasti, komitmen dan kesungguhan oleh para majikan di dalam mengurus tadbir pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat masing-masing akan memperlihatkan satu pencapaian KPI yang baik.

7. Pada hemat saya, pencapaian KPI bagi sesebuah syarikat yang bukan hanya bergantung kepada kuantiti dan kualiti produk yang dikeluarkan tetapi yang lebih utama kualiti para pekerja yang berperanan di dalam syarikat tersebut.

8. Kualiti pekerja yang saya maksudkan adalah pekerja yang sentiasa dipastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan oleh majikan mereka semasa mereka bekerja. Saya percaya para majikan yang hadir pada pagi

ini merupakan majikan yang komited dengan aspek KKK di tempat kerja masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pekerjaan merupakan satu keperluan bagi kita semua. Tanpa bekerja kita tidak dapat menjana ekonomi keluarga dan meningkatkan kualiti kehidupan seharian.

10. Namun, di dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang ini, ramai di kalangan para pekerja telah hilang mata pencarian dan pendapatan bulanan akibat diberhentikan terus atau diberhentikan sementara oleh majikan mereka. Keadaan ini sekali gus telah meningkatkan kadar pengangguran negara kita iaitu pada XXXX.

11. Kerajaan melalui Kementerian saya sedang berusaha untuk menangani isu ini dengan menerbitkan pelbagai inisiatif seperti Jobs Malaysia, Program Train & Place, penempatan pekerjaan dan lain-lain.

12. Namun, kegawatan ekonomi seperti sekarang, bukan satu alasan kepada para majikan untuk mengurangkan bajet atau peruntukan bagi menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

13. Sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun ini, saya menyeru kepada semua majikan agar memelihara hak asasi para pekerja mereka untuk bekerja di dalam persekitaran kerja yang jauh dari risiko kesihatan di tempat kerja.

14. Ia sejajar dengan tema sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah dipilih oleh pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO pada kali ini iaitu "Health dan Life – A Basic Human Right" atau Kesihatan dan Kehidupan Semasa Bekerja adalah Hak Asasi Manusia.

15. Sambutan Hari Sedunia pada tahun ini merupakan sambutan yang paling istimewa berbanding tahun-tahun lepas. Ini disebabkan oleh ILO juga menyambut hari bersejarah iaitu hari ulang tahun ke 90 penubuhan ILO.

16. Saya berasa sangat bertuah kerana pihak ILO sudi hadir dan bersama kita bagi menyambut ulang tahun pertubuhan mereka di Putrajaya pada hari ini. Oleh itu, izinkan saya meneruskan ucapan saya di dalam bahasa Inggeris.

Ladies and gentlemen,

17. International Labour Organization (ILO) incorporated on 28th April 1919, has reached its 90th year today. To commensurate this, ILO has organized a grand celebration and seeks its members to join this celebration simultaneously. Being a member of ILO, Malaysia joins other nations in making this celebration a memorable occasion.

18. Since its formation in 1919, ILO has managed to evolve over the years through massive reform in the social, technological and political scenario to remain relevant and influential in addressing issues related to labour. The role is undoubtedly important, especially in this current world

wide economic turmoil, witnessing millions of people being displaced from their work.

19. ILO has relentlessly become an active agent in promoting, participating and assisting its constituents to ensure that men and women have an equal opportunity for productive employment and decent conditions of work. This assures their rights at work, social security and to channel their work issues through social dialogue.

20. I am also honoured that Mr. Bill Salter, the Director of ILO Sub regional Office for East Asia has availed himself to join this celebration in Malaysia and pleased to welcome you and the team to this event.

21. In Malaysia, we are celebrating this anniversary in consequence with the World Day for Safety and Health under the theme of “Health and Life at Work: A basic Human Right”. This is part of the continuous effort to ensure that all our workers are being protected in term of health and safety while they are carrying out their work.

Ladies and gentlemen,

22. It has been 133 years, occupational safety and health aspect being enforced in this country since 1876. Those days, the enforcement was focused at the safety of steam boilers and prime movers in the tin mines.

23. But now, in the millennium era and the growth of industrial sectors, the scope of enforcement has been expanding to non-manufacturing sector such as agriculture, small and medium industries, building constructions

and public sectors. Issues on occupational health; occupational diseases and poisoning are of our major concerns right now.

24. So far, the Ministry of Human Resources through DOSH has carried out 147,855 inspections on health and safety of factories and machinery throughout Malaysia including Sabah and Sarawak. More than 10,000 OSH inspections are carried out at the non-manufacturing sectors.

25. These inspections of factories, machinery as well as workers are to sustain safe and healthy work environment. Most importantly, to prevent injuries diseases and fatalities during working. I am glad to note that the rate of accident in Malaysia has shown a consistent reduction since year 2000. This year the rate of accident per every 1000 workers is 4.2 and rate of fatalities per 100,000 workers is 6.9.

26. To further strengthen OSH strategy implementations, MOHR has carried out OSH Research and Development Program. Our R & D program which will be ready by end of this year, embraces the Formulation of OSH Profile for Malaysia; Relation of OSH culture and accident rate; Ergonomics Risk Factor and Chemical Handling.

Ladies and gentlemen,

27. In order to further enhanced a productive and conducive working environment, MOHR through NIOSH provide OSH training for practitioners. Since year 2003 till 2008, NIOSH has trained 338,937 trainees through 12,965 OSH courses, conferences and seminars.

28. On the other hand, Social Security Organization (PERKESO) provides the social insurance and safety net for Malaysia workers. Last year, MOHR through PERKESO spend approximately RM 1.2 billion of compensation for workers that involved in accidents while at work.

Ladies and gentlemen,

29. In managing OSH during this economic slowdown, MOHR has developed a workplace safety and health strategy named Occupational Safety and Health Master Plan for Malaysia 2015.

30. It is a document highlighting OSH framework that will be guiding and directing our combined effort (the government and social partners). With this strategy implemented, it is hope to encourage organizations to give a higher priority to workplace safety and health as well as to boost our national OSH performance.

31. I am glad to note that the OSH Master Plan for Malaysia 2015 will be launched by the Prime Minister of Malaysia on the celebration of National Labour Day on 2nd of May 2009 at Stadium Putra, Kuala Lumpur.

32. With that note, allow me to continue my speech in Bahasa Melayu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

33. Bagi meningkatkan daya saing negara, kerajaan sentiasa berperanan melalui ketiga-tiga agensi iaitu DOSH, PERKESO dan NIOSH bagi memastikan kehidupan kita semua sebagai pekerja sentiasa sihat, terpelihara dan berkualiti semasa bekerja.

34. Bagi mencapai tujuan yang sama, para majikan perlu mempunyai atitud yang positif serta mengambil inisiatif walau pun di dalam cuaca ekonomi yang agak perlahan. Sebagai contoh, majikan boleh merancang, memulakan dan melaksanakan Program Rangsangan Kemalangan Industri Sifar yang disesuaikan dengan industri mereka.

35. Saya menyarankan agar Program Rangsangan Kemalangan Industri Sifar (Zero Accident Stimulus Programme) merangkumi aktiviti peningkatan budaya kerja selamat dan sihat secara bersepadu seperti berikut :

- i. Menyemak semula kos latihan dan melatih semula para pekerja berkaitan asas keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
- ii. Menilai semula prosedur dan program KKP yang telah dilaksanakan secara menyeluruh seperti Prosedur Kerja Selamat, Program Kenalpasti Bahaya, Penggunaan Peralatan Perlindungan Diri, Pertolongan Cemas dan sebagainya;
- iii. Menyemarakkan suasana kerja kondusif melalui program promosi dan kempen “Hak Asasi Pekerja – Kesihatan dan Kehidupan Semasa Bekerja”;
- iv. Membuat Analisa kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja;

36. Saya juga ingin mencadangkan kepada para majikan yang telah mengurangkan masa bekerja produktif dengan menggantikan masa tersebut dengan program-program yang disebutkan tadi. Saya sangat berharap para majikan dan pekerja dapat mengambil peluang ini bagi mengurus dua aspek penting dalam sesebuah organisasi iaitu keselamatan, kesihatan dan kebajikan di tempat kerja serta pembangunan modal insan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

37. Saya berharap agar setiap dari kita mengambil inisiatif masing-masing bagi meningkatkan tahap kesihatan diri untuk meningkatkan kualiti kehidupan bukan sahaja semasa bekerja tetapi juga dalam apa jua aktiviti yang dilakukan sehari-hari.

38. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya dan saya ucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2009 dengan tema "Health and Life – The Basic Human Right", yang juga disambut bersama 90 tahun Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

39. Saya berdoa agar hak asasi para pekerja untuk bekerja dengan selamat sentiasa terpelihara bagi menjadikan kehidupan para pekerja yang lebih terjamin. *To ILO, we wish you Happy 90th Anniversary!*

40. Dengan kata-kata itu, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2009.

Sekian terima kasih.

**Ucapan Aluan
Y.B. Datuk Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 2009**

Tarikh : 28 April 2009
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan, (Kementerian Sumber Manusia)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia kerana dapat hadir bersama-sama di Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008 pada hari yang bersejarah ini.

1. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Penganjur Sambutan Hari Sedunia kerana telah membuat persediaan rapi untuk menyambut hari istimewa ini.
2. Paling menggembirakan apabila sambutan Hari Sedunia pada tahun ini turut sekali menyambut Ulang Tahun ke 90 tahun penubuhan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) .

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

3. Saya sangat berbesar hati melihat kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang komited untuk bersama-sama mengambil ruang dan peluang menggarap pengisian sambutan pada kali ini.

4. Selaku Timbalan Menteri Sumber Manusia yang baru, majlis pada pagi ini merupakan majlis kedua berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang saya hadiri selepas hari sabtu yang lalu.

5. Pada 25 April iaitu hari Sabtu yang lalu, pihak penganjur telah mengadakan acara OSH Walkathon yang bermula jam 8.00 pagi. Apa yang membanggakan saya adalah bilangan penyertaan lebih kurang 500 orang peserta. Tahniah kepada yang menang tetapi yang tidak berjaya saya harap akan cuba lagi tahun hadapan. Satu tepukan untuk mereka!

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

6. Saya difahamkan Majlis Negara bagi KKP terdiri dari penglibatan tripartisme (kerajaan, majikan dan pekerja) dan dialog sosial. Manakala gabungan tiga agensi kerajaan berhubung aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) sangat berkesan. Ia dapat dilihat dari kejayaan yang telah tercipta baru-baru ini dan tahun-tahun lalu.

7. Pada hari ini, bukan kita di Malaysia sahaja menyambutnya tetapi juga rakan-rakan kita di negara lain juga berkumpul dan mengadakan hari memperingati sebegini.

8. Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merupakan kempen tahunan antarabangsa bagi mempromosi keselamatan, kesihatan dan "decent work" yang disambut pada 28 April setiap tahun. Sejak tahun 2003, Pertubuhan Buruh Antarabangsa menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit di tempat kerja melalui kekuatan tripartisme dan dialog social.

9. Sambutan hari sedunia ini adalah satu acara signifikan bagi meningkatkan kesedaran terhadap bagaimana menjadikan kerja selamat dan sihat. Pada tarikh sama juga, pergerakan kesatuan sekerja turut memperingati mangsa kemalangan industry dan penyakit pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

10. Hak pekerja terhadap perlindungan kesihatan dan kehidupan semasa bekerja bukan hanya hak pekerja tetapi ianya merupakan hak asasi setiap insan. Kerja selamat adalah jantung kepada *ILO Decent Work Agenda*. Kerja hanya akan jadi *decent* sekiranya ia selamat dan sihat. Tempat kerja yang selamat dan sihat adalah yang dapat mencegah sebarang kemalangan atau penyakit pekerjaan ke atas pekerjaanya.

11. Kemalangan yang menimpa akan mengakibatkan banyak kerugian termasuk kerosakan harta benda / jentera mahu pun kehilangan nyawa atau anggota badan. Selain itu ia juga akan melibatkan bayaran ganti rugi, kos perubatan, pampasan kepada keluarga mangsa dan sebagainya.

12. Sambutan hari sedunia ini bukan sahaja untuk memberi kesedaran kepada kita semua yang tidak tergugat oleh risiko di tempat kerja supaya sentiasa berhati-hati semasa bekerja.

13. Kali ini, pihak penganjur telah menjemput lima orang speaker yang terdiri dari Ketua-ketua jabatan DOSH, PERKESO, NIOSH dan wakil dari ILO dan SMIDEC. Para peserta akan mendapat banyak kelebihan daripada pembentangan kertas kerja mereka nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

14. Tujuan sambutan Hari Sedunia bagi KKP yang dianjurkan pada kali ini adalah seperti berikut :

- Mempromosi keselamatan, kesihatan dan kebajikan sebagaimana agenda decent work;
- Menerapkan semangat berpasukan dalam menyelesaikan permasalahan berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Meningkatkan kesedaran di kalangan majikan dan pekerja tentang pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang baik;
- Menggalakkan semangat tripatisme - kerajaan, majikan dan pekerja dalam mempromosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan,

15. Saya yakin sambutan ini dapat menerbitkan atitud yang positif kepada para hadirin terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja masing-masing. Sesungguhnya, saya berharap agar acara sambutan ini dapat memberi inspirasi kepada para hadirin untuk menjalani hidup yang lebih berkualiti. Sekali gus, bersedia menghadapi cabaran yang lebih kompetitif.

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Dato' Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia di atas kesudian beliau hadir ke majlis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur dan atas sumbangan mereka dalam menjayakan sambutan Hari Sedunia bagi KKP pada kali ini. Keep up the team work!

Sekian, Terima kasih.

Pejabat Timbalan Menteri Sumber Manusia

28 April 2009